



SIARAN MEDIA

KONVENSYEN KESELAMATAN PERLINDUNGAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2022

Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan kali terakhir pernah diadakan adalah pada tahun 2012. Peningkatan prestasi dan kecekapan pentadbiran Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan tambahan dengan lebih meluas melalui medium digital mendatangkan ancaman keselamatan siber di peringkat global yang lebih kompleks. Justeru itu, konvensyen kali ini diadakan dengan bertemakan “Keselamatan Perlindungan Pemangkin Revolusi Digital Negara”.

Keselamatan Perlindungan meliputi langkah-langkah keselamatan untuk melindungi aset dan maklumat daripada sebarang ancaman. Kepentingan Keselamatan Perlindungan kepada Kementerian, Jabatan Kerajaan Peringkat Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah bagi membendung ancaman keselamatan seperti subversif, espionaj, sabotaj dan ancaman siber. Ancaman keselamatan yang disebutkan ini mampu menggugat sistem jentera pentadbiran Kerajaan jika tidak diberi perhatian yang serius.

Konvensyen ini dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara serta turut menyampaikan Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (AKKP) Tahun 2021 kepada 79 agensi terdiri daripada Kementerian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan yang berjaya menunjukkan komitmen tadbir urus keselamatan yang tinggi sehingga memperoleh penarafan kecemerlangan dalam AKKP Tahun 2021.

YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri turut

ditemubual berkenaan Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 di dalam slot Selamat Pagi Malaysia, Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada 8 Jun 2022 (Rabu) jam 9.35 pagi.

Majlis Perasmian konvensyen ini akan disiarkan secara langsung melalui Facebook CGSO pada 9 Jun 2022 (Khamis) bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi. Semua pemegang taruh, rakan-rakan strategik dan pelanggan CGSO yang menyokong kepada usaha pemerkasaan keselamatan perlindungan dijemput untuk turut serta mengikuti konvensyen ini secara maya.

Selain Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (AKKP) Tahun 2021, terdapat juga Anugerah Perdana Keselamatan Perlindungan Negara bagi agensi yang mendapat markah tertinggi bagi setiap kategori iaitu kategori Kementerian terbaik, Setiausaha Kerajaan Negeri terbaik, Jabatan Persekutuan Peringkat Negeri terbaik, Jabatan di bawah Kerajaan Negeri terbaik, Badan Berkanun Persekutuan Terbaik, Badan Berkanun Negeri terbaik dan Pihak Berkuasa Tempatan terbaik.

Selaras dengan peranan CGSO dalam menggubal dasar dan merencana program keselamatan perlindungan Kerajaan, CGSO dan juga empat (4) lagi agensi jempunan terpilih akan membentangkan kertas kerja berkaitan isu keselamatan terkini. Ini termasuklah persediaan menangani ancaman siber di era digital. Justeru itu, di dalam Sidang Pleno pula akan diperhalusi segala rumusan atau resolusi yang mungkin tercapai dan boleh digunakan untuk kelangsungan serta pemerkasaan keselamatan perlindungan selanjutnya.

BAHAGIAN PENYELARASAN DAN KORPORAT

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (CGSO),
JABATAN PERDANA MENTERI

9 JUN 2022